



Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

**PENGHASILAN PENGGUNAAN PENCETAKAN TIMBUL UNTUK MENDAPATKAN  
KESAN RENDA PADA REKAAN FESYEN**

**SITI NORFARAIMA BINTI RUSLAN**

**Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Teknologi Seni Reka)**

**2016**

**“PENGHASILAN PENGGUNAAN PENCETAKAN TIMBUL UNTUK MENDAPATKAN  
KESAN RENDA PADA REKAAN FESYEN”**

SITI NORFARAIMA BINTI RUSLAN

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk  
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Teknologi Seni Reka)

**UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

Grade: \_\_\_\_\_

**Please tick (✓)**

Final Year Project Report

Masters

PhD

**DECLARATION OF ORIGINAL WORK**

This declaration is made on the 24<sup>th</sup> JUNE, 2016.

**Student's Declaration:**

I SITI NORFARAIMA BINTI RUSLAN, 44141, FACULTY OF APPLIED AND CREATIVE ARTS (FACA) hereby declare that the work entitled PENGHASILAN PENGGUNAAN PENCETAKAN TIMBUL UNTUK MENDAPATKAN KESAN RENDA PADA REKAAN FESYEN is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

24<sup>th</sup> JUNE 2016

Date submitted

SITI NORFARA IMA BINTI RUSLAN (44141)

Name of the student (Matric No.)

**Supervisor's Declaration:**

I CIK NORHAYATI BINTI SULEIMAN hereby certifies that the work entitled PENGHASILAN PENGGUNAAN PENCETAKAN TIMBUL UNTUK MENDAPATKAN KESAN RENDA PADA REKAAN FESYEN was prepared by the above named student, and was submitted to the FACULTY OF APPLIED AND CREATIVE ARTS (FACA) as a \* partial/full fulfillment for the conferment of BACHELOR OF APPLIED ARTS WITH HONOURS (DESIGN TECHNOLOGY) and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by: \_\_\_\_\_  
(CIK NORHAYATI BINTI SULEIMAN)

Date: \_\_\_\_\_

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)\*
- RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organisation where Research was done)\*
- OPEN ACCESS**

#### **Validation of Project/Thesis**

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature \_\_\_\_\_  
24<sup>th</sup> JUNE 2016

Supervisor signature: \_\_\_\_\_  
24<sup>th</sup> JUNE 2016

Current Address:  
PARIT CHE MAJA TENGAH, SUNGAI TIANG DARAT, 36200 SELEKOH, PERAK.

Notes: \* If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

## **PENGESAHAN**

Projek bertajuk **PENGHASILAN PENGGUNAAN PENCETAKAN TIMBUL UNTUK MENDAPATKAN KESAN RENDA PADA REKAAN FESYEN** telah disediakan oleh **SITI NORAFRAIMA BINTI RUSLAN** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (Teknologi Seni Reka).

Diterima untuk diperiksa:

.....  
(Cik Norhayati binti Suleiman)

Pensyarah Kanan,  
Jabatan Teknologi Seni Reka.  
Tarikh: .....

## **PENGAKUAN**

Saya mengaku bahawa tiada bahagian daripada penyelidikan dalam disertai ini telah digunakan sebagai bahan sokongan untuk sesuatu ijazah atau kelulusan sama ada kepada universiti ini atau institusi pengajian tinggi lain.

.....  
(Siti Norfaraima Binti Ruslan)

No. Matrik: 44141

## PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi yang telah mengurniakan rahmatnya sehingga dapat saya menyempurnakan projek tahun akhir ini dengan jayanya. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelaras penulisan ilmiah ini iaitu Cik Norhayati Binti Suleiman selaku penyelia di atas segala bimbingan, teguran dan nasihat yang diberikan sepanjang saya menyempurnakan tugas ini, disamping itu, tidak lupa juga kepada Profesor Madya Dr June Ngo Siok Kheng selaku pensyarah tekstil dan fesyen kerana membantu saya dalam memberi idea dan sebagainya. Selain itu, saya juga berterima kasih pada Encik Asrul Asshadi bin Haji Mohammad Morni kerana ianya juga menolong saya dalam menyelesaikan tugas ini dan tidak lupa kepada Encik Azman selaku juruteknik yang banyak membantu saya dalam bentuk teknikal.

Ribuan terima kasih juga buat ibu saya Faridah Binti Ismail dan Ruslan Bin Sulong yang tercinta, juga kaum keluarga yang banyak memberi sokongan dan dorongan dalam menyiapkan penyelidikan ini. Tidak dilupakan juga buat rakan seperjuangan yang sentiasa disisi, yang turut membantu saya. Ribuan terima kasih saya ucapkan kepada semua yang terlibat, kerana mereka semua saya dapat menyiapkan penyelidikan ini dengan jayanya.

Sekali lagi saya memanjatkan doa kesyukuran ke hadrat Ilahi, agar segala usaha yang disumbangkan diberkati oleh Allah s.w.t di dunia dan akhirat.

Sekian, terima kasih.

## **ISI KANDUNGAN**

### **PEKARA**

### **MUKA SURAT**

Borang pengesahan status tesis i

Pengesahan ii

Pengakuan iii

Penghargaan iv

Abstrak x

Abstract xi

## **BAB 1 LATAR BELAKANG KAJIAN**

1.1 Pengenalan	1
1.1.1 Pengenalan Kain Renda	1
1.1.2 Pengenalan Fesyen	2
1.1.3 Seni Cetakan	3
1.2 Penyataan Masalah	5
1.3 Persoalan Kajian	5
1.4 Objektif Kajian	6

1.5 Kepentingan Kajian	6
1.6 Skop Kajian	7
1.7 Limitasi Kajian	7
1.8 Hipotesis	7
1.9 Kesimpulan	8

## **BAB 2 KAJIAN LITERATUR**

2.1 Pengenalan	9
2.1.1. Asal Usul Renda	10
2.2 Isu Semasa	12
2.3 Cetakan Manual	13
2.1.1. Jenis-Jenis Cetakan	14
2.4 Kerangka Konsep	16
2.5 Kesimpulan	17

## **BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pengenalan	18
3.2 Kerangka Kajian	19
3.3 Kaedah Kajian Primer	21

3.3.1 Pemerhatian	22
3.3.2 Temubual	22
3.3.3 Borang Kaji Selidik	23
3.3.4 Eksperimentasi	24
3.4 Kaedah Kajian Sekunder	26
3.4.1 Bahan Berjilid	26
3.4.2 Laman Sesawang	27
3.5 Kesimpulan	27
<b>BAB 4 HASILAN DAPATAN</b>	
4.1 Pengenalan	28
4.2 Pemerhatian	28
4.2.1 Jenis-Jenis Renda di Pasaran Tempatan	29
4.3 Temubual	31
4.4 Borang Kaji selidik	32
4.5 Eksperimentasi dan Persampelan	45
4.5.1 Eksperimentasi 1	45
4.5.2 Eksperimentasi 2	50

4.6 Bahan Berjilid	58
--------------------	----

4.7 Laman Sesawang	58
--------------------	----

4.8 Kesimpulan	59
----------------	----

## **BAB 5 PRODUK AKHIR**

5.1 Pengenalan	61
----------------	----

5.2 Rekaan Produk	62
-------------------	----

5.3 Perkembangan Idea	63
-----------------------	----

5.4 Produk Akhir	68
------------------	----

5.5 Kesimpulan	68
----------------	----

## **BAB 6 VALIDASI PRODUK**

6.1 Pengenalan	79
----------------	----

6.2 Keputusan Validasi	80
------------------------	----

6.3 Kekuatan Produk	86
---------------------	----

6.4 Kelemahan Produk	86
----------------------	----

6.5 Kesimpulan	87
----------------	----

## **BAB 7 KESIMPULAN**

7.1 Kesimpulan	88
----------------	----

<b>GLOSARI</b>	90
<b>RUJUKAN</b>	91
<b>LAMPIRAN</b>	
<b>Lampiran A</b>	93
Harta Intelek	
<b>Lampiran B</b>	
Borang Kaji Selidik	
Borang Validasi	
Lakaran Idea Produk Akhir	
Pemotongan Pola Produk	
<b>Lampiran C</b>	
Pengiraan Kos Produk Akhir	

## **ABSTRAK**

Renda mempunyai sejarah yang unik dan panjang dan ianya bermula pada zaman *Napoleon*. Ianya amat popular di Eropah dan di anggap sebagai material yang bernilai tinggi dan berharga seperti batik di Malaysia. Selain itu, mereka juga mempunyai muzeum khusus yang memperkenan sejarah dan pelbagai jenis renda. Oleh kerana itu, kita mula memperhatikan renda sebagai karya seni seperti hampir setaraf dengan kesenian batik. Melalui kajian ini, didapati penghasilan Renda memerlukan kos yang agak tinggi dan ini menyebabkan harganya mahal di pasaran tempatan. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk membuat explorasi penggunaan percetakan timbul *rubber paste* dalam penghasilan rekaan yang menyerupai renda pada koleksi fesyen wanita dan kanak-kanak. Ianya bertujuan untuk memberi pilihan pada material dan alternatif yang lebih murah dari Renda di Pasaran tempatan. Hasil akhir adalah merupakan rekaan berupa “trimmings” Renda melalui teknik cetakan timbul yang diaplikasikan kepada koleksi rekaan fesyen wanita dan kanak-kanak yang mampu milik.

## **ABSTRACT**

Lace has a unique and long history and it started in the days of Napoleon. It is very popular in Europe and is considered as material of high value and worth as batik in Malaysia. In addition, they also have special museum showcasing the history and various types of lace. Therefore, we began to pay attention to the lace as a work of art almost batik. Through this study, it was found that the production of lace requires relatively high costs and the resulting high price in the local market. Therefore, this study aimed to explore rubber paste prints techniques which design will resembles lace designs in women's and children fashion collection. It is intended to give alternative and preference to materials selection which expensive to compare with original lace material local market. The final product consists of lace "trimmings" selection that was produced from embosses printing techniques which than applied in affordable women's and children fashion collection.

## BAB 1

### LATAR BELAKANG KAJIAN

#### 1.1 Pengenalan

##### 1.1.1 Kain Renda

Menurut Senin, Renda mempunyai sejarah yang unik dan panjang dan ianya bermula pada zaman *Napoleon* Renda sudah diperkenalkan. Di Eropah juga terkenal dengan renda dan ianya mendapat penghargaan hampir setaraf dengan kesenian batik di Negara kita. Selain itu, mereka mempunyai museum khusus untuk renda dan terdapat banyak koleksi renda di Eropah. Oleh kerana itu, kita mula memperhatikan renda sebagai karya seni seperti kita memperkenalkan batik. (senin, 2012)<sup>1</sup>

Kain lace atau nama lain adalah kain renda atau kain berenda tetapi sebahagian orang menyebutnya dengan kain brokat. Kain renda adalah kerawang (biku-biku) dibuat dari benang dirajut yang biasa dipasang di tepi baju, kain, bantal dan sebagainya. Terdapat beberapa jenis renda iaitu *renda jarum* (renda yang dibuat menggunakan benang dan jarum), *cutwork* (renda yang dibuat dengan mengambil benang dari kain yang ada), *bobbin lace* (renda yang dibuat dengan bobbin atau simpul benang dan bantal), *renda rajut* (renda yang dibuat dengan rajutan), *renda kait* (renda yang dibuat dengan mengait).

Renda merupakan fabrik kain renda, bercorak dengan lubang yang terbuka dan dibuat oleh mesin atau dengan tangan. Lubang-lubang yang boleh dibentuk melalui penyingkiran benang atau kain dari kain sebelum ditenun, ianya diwujudkan daripada kain renda<sup>2</sup>. Kain renda mempunyai ciri-ciri reka corak yang unik dengan bersumberkan alam semula jadi dan

---

<sup>1</sup>senin. (2012). berbagai jenis renda dan sejarahnya. *renda baju paling lengkap dan up to date* .

berpotensi untuk diselidik dalam rekaan fesyen terkini. Keseluruhan kajian ini memaparkan rekaan renda dengan menggunakan percetakan timbul (*rubber paste*) sebagai inspirasi dalam rekaan fesyen wanita terkini.

### **1.1.2 Fesyen Wanita**

Pakaian merupakan sesuatu yang menutup tubuh dan dipakai oleh manusia. Pada zaman dahulu kala lagi manusia sudah mencipta pakaian sendiri dengan konsep tersendiri mengikut tempat dan kaum yang dianuti. Setiap kaum yang berada di pelusuk dunia mempunyai keunikan dalam rekaan pakaian mereka. Jika diteliti secara mendalam setiap pakaian yang direka pada zaman dahulu mempunyai lambang dan makna-makna tersendiri untuk menunjukkan dunia fesyen sudah wujud sekian lama di muka bumi ini.

Seterusnya, penghasilan pakaian memerlukan kemahiran berfikir, kreatif dan berhati-hati dalam mereka sesuatu pakaian. Selain itu, ianya juga perlu menggunakan teknik-teknik seperti memotong kain, menjahit dan sebagainya agar pakaian yang dihasilkan kelihatan cantik dan kemas. Pakaian yang direka perlu diukur dengan kesesuaian saiz tubuh badan manusia tersebut agar pakaian tersebut tidak terlalu ketat dan longgar.

Oleh kerana itu, perekaan renda adalah untuk perhiasan pada rekaan pakaian tersebut dan ia dapat memberi kelainan pada pakaian yang direka dengan adanya perincian renda pada pakaian tersebut. Disamping itu, rekaan renda pada masa kini telah menjadi tumpuan dalam busana rekaan fesyen.<sup>3</sup>

---

<sup>3</sup> [https://www.google.com/?gws\\_rd=ssl#q=definisi+rekaan+pakaian](https://www.google.com/?gws_rd=ssl#q=definisi+rekaan+pakaian)

### 1.1.3 Seni Cetakan

Cetakan Timbul adalah proses kerja seni dengan menggunakan dakwat yang dicipta melalui perpindahan dakwat ke atas satu permukaan. Cetakan juga bermaksud mengecat corak yang menyerupai dengan menggunakan alat yang tertentu seperti kertas, kain atau bahan-bahan lain. Sejarah cetakan dan proses penghasilan cetakan terawal dihasilkan adalah daripada cetakan kayu yang di percaya pada abad ke-7 Masihi di China. Abad ke-14 Masihi, industri cetakan mono telah berkembang di negara barat. Sehubungan dengan itu, tujuan penggunaan adalah sebagai bahan rujukan dalam pendidikan, propaganda dan bahan keagamaan pada masa itu. Disamping itu, pada abad ke-15 penggunaan warna dalam seni cetakan itu baru diperkenalkan.<sup>4</sup>

Sejarah Cetakan Malaysia dibawa dari China ke Singapura pada tahun 1940-an melalui Nanyang Akademik. Pada awal tahun 1960-an, teknik-teknik cetakan dimasukkan ke dalam sukatan mata pelajaran seni visual secara rasmi dengan diperluaskan ke sekolah dan individu yang bergiat aktif dalam seni.

Jenis-jenis cetakan adalah cetakan timbul, cetakan *benam*, cetakan *planografi* dan cetakan sutera. Cetakan timbul merupakan proses mengukir ke dalam dan meninggalkan bahagian yang timbul untuk diletakkan dakwat dan dicetak. Cetakan timbul mempunyai tiga jenis iaitu Cetakan Lino merupakan penerapan gambar pada kertas dengan menggunakan bahan utama *linoleum* yang telah diukir dengan gambar yang ingin dicetak adalah pisau cukur, roda penggelek, cermin manakala Cetakan Blok Kayu merupakan cetakan jenis timbulan yang sama seperti cetakan lino tetapi mempunyai kesan cetakan yang berlainan.

---

<sup>4</sup> <https://www.scribd.com/doc/34622538/SENI-CETAK>

Selain itu, cetakan benam atau *intaglio* memerlukan plat logam yang diguris menggunakan jarum yang tajam atau asid untuk menghakis imej yang hendak dicetak untuk mendapatkan kesan benaman pada permukaan. Warna atau dakwat cetakan memerlukan bahagian benaman untuk dakwat melekat dan seterusnya dicetak atas permukaan kain, kertas, kulit kayu dan sebagainya. Antara kaedah mencetak menggunakan jenis benam adalah Turisan (*engraving*) Akuantin (*aquatint*), Gurisan asid (*etching*) dan Mesotin (*mezzotint*) dalam teknik Penghasilannya.

Cetakan datar menggunakan blok batu kapur sebagai blok untuk menghasilkan imej cetakan, proses cetakan menggunakan kaedah yang dinamakan litografi, teknik penolakan minyak dengan air, permukaan imej yang dilukis menggunakan crayon minyak dan disapu gam arab yang dicampur dengan asid *nutrit* dan kekalisan antara air dengan minyak menghasilkan cetakan yang seakan lukisan. Sehubungan itu, cetakan juga mempunyai pelbagai jenis cetakan termasuk cetakan stensil atau serigrafi ini pula menggunakan pemidang kain sutera untuk mencetak imej. Seterusnya, imej yang lebih tepat dan hasil cetakannya mempunyai rupa atau bentuk yang lebih kemas dan cetakan ini boleh menggunakan potongan kertas atau plastik yang ditebuk adalah cetakan *planografi* atau *litografi* yang telah diperkenalkan dan dikembangkan dengan proses penghasilan oleh seorang rakyat dari Jerman yang bernama Aloy Senelfelder. Beliau telah memperkenalkan teknik seni cetakan *planografi* pada tahun 1798.<sup>5</sup>

---

<sup>5</sup> <https://www.scribd.com/doc/34622538/SENI-CETAK>

## **1.2 Penyataan Masalah**

Melalui kajian awal didapati masalah kajian adalah seperti berikut:

- i. Material renda yang sedia ada di pasaran tempatan agak mahal dan ini menyebabkan kekurangan dalam pengaplikasiannya dalam rekaan fesyen.
- ii. Penghasilan efek renda melalui teknik cetakan timbul *rubber paste* kurang di eksplorasi dalam kajian-kajian tempatan.

## **1.3 Persoalan Kajian**

Persoalan kajian adalah seperti berikut:

- i. Apakah ciri-ciri renda yang sedia ada di pasaran?
- ii. Apakah efek renda dapat dihasilkan dengan menggunakan teknik cetakan timbul *rubber paste*?
- iii. Bagaimanakah rekaan fesyen yang berinspirasikan renda?

## **1.4 Objektif Kajian**

Objektif kajian adalah untuk:

- i. Mengenalpasti ciri-ciri renda serta material yang sesuai dijadikan renda.
- ii. Membuat eksperimentasi untuk menghasilkan efek renda dengan menggunakan teknik cetakan timbul.
- iii. Menghasilkan koleksi fesyen wanita yang mengaplikasikan renda dalam cetakan timbul yang bersesuaian dengan trend terkini.
- iv. Membuat validasi terhadap produk akhir.

## **1.5 Kepentingan Kajian**

Kajian ini adalah untuk mengenalpasti potensi efek renda menggunakan percetakan timbul (*rubber paste*) sebagai material alternatif mengantikan teknik renda. Sehubungan dengan itu, Ianya diharapkan dapat membantu masyarakat tempatan untuk memilih rekaan fesyen berenda yang mampu dimiliki dengan harga yang berpatutan untuk diaplikasikan dalam penghasilan rekaan fesyen.

## **1.6 Skop Kajian**

- i. Skop kajian merupakan sekitar Kuching, Sarawak yang merangkumi pekerja sektor swasta serta kerajaan dan juga pelajar universiti Malaysia Sarawak.

## **1.7 Limitasi Kajian**

Focus kajian ini untuk limitasi rekaan yang berupa hiasan *borders* bersaiz 0.5 cm dan 20 cm lebar dalam pengaplikasikan material Renda cetakan timbul adalah sebanyak 20-30% sahaja pada rekaan fesyen wanita.

## **1.8 Hipotesis**

Rekaan efek renda dengan menggunakan teknik cetakan timbul *rubber paste* mampu memberi kos yang lebih murah berbanding dengan material renda yang sedia ada di pasaran tempatan

## **1.9 Kesimpulan**

Fakta yang ingi ditekankan dalam bab ini adalah corak berupakan renda dengan menggunakan percetakan timbul untuk mengantikan rekaan renda yang sedia ada. Secara amnya, bab ini memberi pengenalan dan garis panduan kepada penyelidik untuk menyelesaikan masalah yang sedia ada iaitu untuk mengurangkan kos dengan menggunakan teknik percetakkan timbul dan menepati objektif penyelidikan yang telah ditetapkan.

Selain itu, kajian ini juga diharap dapat membantu sesetengah golongan yang tidak mampu untuk membeli atau memiliki rekaan renda pada pakaian mengikut perkembangan fesyen semasa.

## BAB 2

### KAJIAN LEPAS

#### 2.1 Pengenalan

Kajian literatur di definisikan sebagai kajian lepas yang telah dilakukan sebelum ini ia juga berkaitan dengan kajian yang dilakukan sekarang. Dalam kajian ini, penyelidikan yang dikaji berkaitan dengan renda dan asal usulnya. Disamping itu, kajian ini juga mengkaji berkaitan dengan jenis-jenis material yang sesuai dengan percetakan timbul juga turut dikaji.

Kajian lepas penting untuk mengetahui sumber rujukan yang telah digunakan oleh penyelidik berdasarkan kajian yang telah dibuat oleh pengkaji lepas melalui buku-buku, jurnal dan majalah yang pernah dihasilkan. Selain itu, kajian lepas bertujuan untuk mencari bukti bagi kesahihan sesuatu kajian atau sebagai bahan sokongan.

Ia juga merupakan kajian yang perlu dilakukan penyelidik bagi membantu dalam membuat perbandingan antara rekaan dahulu dan rekaan baru yang bakal dihasilkan. Dalam penyelidikan yang berkaitan dengan rekaan pakaian yang mempunyai *borders* di bahagian tertentu pada rekaan fesyen.<sup>6</sup>

---

<sup>6</sup> Andrew, N. (2015). Basic concept of fashion design. *EHow*. Dimuat turun daripada [http://www.ehow.com/info\\_10055511\\_basic-concepts-fashion-design.html](http://www.ehow.com/info_10055511_basic-concepts-fashion-design.html)

### **2.1.1 Asal Usul Renda**

*“According Mary Jo Hiney, As we have come to take for granted the benefit of the industrial revolution, and now the technical revolution, lace has become as every-day as a brown paper bag. But the legacy of lace goes far beyond that which is now available at the discount chain store”...*

*“The origin of lace and spiritual, its humble ancestry dating back to the 1400s. For many centuries, Lace was made entirely by hand, produced by maidens whose efforts would yield an inch in an hour's time. During some of its history, lace was more precious than gold, and allowed to be worn only by the aristocracy<sup>7</sup>. (Hiney, 1999)*

(Pertejemahan)

Menurut buku yang ditulis Mary Jo Hiney, Revolusi industry telah memberi kita banyak manfaat dan kesan terhadap teknik renda. Revolusi teknikal telah mempengaruhi penggunaan renda sehingga digunakan dalam rekaan beg kertas. Dengan itu, Legasi teknik renda juga telah berkembang secara meluas melebihi yang dijangkakan sehingga ianya boleh didapati dengan harga yang sangat murah selepas diskau.

Asal-usul renda dan rohani, keturunan merendah diri sejak tahun 1400-an. Sehubungan itu, beberapa abad yang lalu renda dibuat sepenuhnya oleh tangan. Dihasilkan oleh gadis-gadis yang berusaha menghasilkan satu inci dalam masa satu jam. Sejarah renda adalah lebih berharga daripada emas, dan ia hanya dibenarkan untuk dipakaikan bagi golongan bangsawan. (Hiney, 1999)

---

<sup>7</sup> Hiney, M. J. (1999). *Creating with lace*. New York: Sterling Publishing Co., Inc.